

SULIT
1223/1
PENDIDIKAN
ISLAM
NOVEMBER
2000
2 ½ JAM

1223/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000
TINGKATAN EMPAT

PENDIDIKAN ISLAM

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab dua soalan daripada Bahagian A dan tiga soalan Bahagian B*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- (a) Tulis semula petikan ayat al-Quran berikut dan letakkan tanda baris dengan sempurna.

Firman Allah S.W.T.

يَبْنِي أَقْمِدِ الصَّلَاةَ وَأْمُرَ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ
عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

[3 markah]

- (b) Lengkapkan tempat kosong yang bernombor dalam petikan ayat al-Quran berikut dengan kalimah yang betul berdasarkan al-Quran. Anda dikehendaki menulis jawapan berdasarkan nombor yang dicatatkan.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنَسْأَتِي وَحَيَاتِي 1 _____ وَحَيَاتِي 2 _____ لِلَّهِ
رَبِّ 3 _____ ﴿١٦٤﴾

[3 markah]

- (c)

الرَّحْمَنُ ﴿١﴾ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ﴿٢﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ﴿٣﴾
عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ﴿٤﴾ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ ﴿٥﴾ وَالنَّجْمُ
وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴿٦﴾

Ayat di atas menerangkan tentang kekuasaan Allah S.W.T. mencipta alam dan mengurniakan berbagai nikmat kepada makhluk-Nya.

Nyatakan dua faktor seseorang itu tidak mensyukuri nikmat Allah S.W.T.

[4 markah]

- (d) Islam merupakan ad-Din yang diakui di sisi Allah S.W.T. Nyatakan perbezaan antara Islam dan ad-Din. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua bukti Islam adalah agama universal dan sesuai dengan fitrah manusia. [4 markah]
- (iii) Sebagai seorang pelajar, apakah perkara yang boleh anda lakukan untuk memelihara agama. [4 markah]

Firman Allah S.W.T.

Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas, tulis semula potongan-potongan ayat yang menunjukkan hukum tajwid berikut :


(i) Ikhtak Syafawi
 (ii) Mad Arid Lisukun
 (iii) Idgham Bilaghumnah [3 markah]

Potongan ayat berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertibnya. Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

[4 markah]

(b)

(c) Firman Allah S.W.T.



Maksudnya : Dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada perkara yang sia-sia

Huraikan dua implikasi perbuatan 'lagha' yang disebut dalam ayat di atas:

[4 markah]

(d) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ibadat tawaf? [2 markah]

(ii) Terangkan syarat-syarat yang mesti dilakukan untuk menyempurnakan ibadat tawaf. [4 markah]

(e) Apakah amalan rukun / wajib haji yang mesti dilakukan pada tarikh berikut :

(i) 1 Syawal - 8 Zulhijjah

(ii) 9 Zulhijjah

(iii) Siang 11, 12 dan 13 Zulhijjah

[3 markah]

3. (a) Iman adalah hidayah Allah S.W.T. yang amat tinggi nilainya dan diberikan kepada golongan yang tertentu.

(i) Apakah pengertian iman? [2 markah]

(ii) Jelaskan ciri-ciri yang perlu ada pada orang yang beriman [2 markah]

(iii) Terangkan tiga faktor yang menyebabkan iman seseorang itu mudah terbatalkan. [6 markah]

(b) Korban dan akikah adalah dua jenis ibadat yang dituntut dalam Islam

(i) Jelaskan pengertian ibadat korban [2 markah]

(ii) Huraikan dua hikmat ibadat korban [4 markah]


(iii) Nyatakan perbezaan antara korban dan akikah [4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

4. (a)



Maksudnya :Wahai manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

- (i) Jelaskan tujuan Allah S.W.T menjadikan manusia berbagai kaum dan keturunan [4 markah]
- (ii) Mengapakah umat Islam dilarang bermegah dengan pangkat dan keturunan? [6 markah]

(b) Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah dikenali sebagai mujaddid oleh sesetengah ulama dan sangat kuat berpegang kepada hukum serta hadis.

- (i) Nyatakan kaedah hukum yang digunakan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dalam memutuskan sesuatu masalah mengikut keutamaan. [4 markah]
- (ii) Imam Ahmad bin Hanbal tidak menggalakkan umat Islam bertaklid. Terangkan mengapakah beliau tidak menggalakkan umat Islam bertaklid dalam urusan agama. [6 markah]


5. (a) Menghormati hak dan kepentingan ramai bermaksud menjaga hak orang lain dengan penuh tanggungjawab.
Jelaskan implikasi yang akan timbul sekiranya anggota masyarakat mengabaikan tanggungjawab masing-masing.

[6 markah]

- (b) Perpaduan yang kukuh merupakan asas kejayaan dan kekuatan sesebuah masyarakat dan negara.
Nyatakan dua ciri perpaduan yang boleh diamalkan oleh masyarakat majmuk khususnya negara kita Malaysia [4 markah]
- (c) Kegigihan Imam Bukhari dalam usaha mengumpulkan hadis Rasulullah s.a.w. sangat sesuai diteladani dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup.
- (i) Jelaskan tiga usaha beliau yang dapat anda contohi untuk menjadi pelajar cemerlang [6 markah]
- (ii) Sahih al-Bukhari merupakan kitab hadis yang menjadi rujukan utama umat Islam dalam bidang hadis.
Terangkan mengapa hadis-hadis yang dikumpulkan oleh Imam Bukhari dianggap sahih. [4 markah]
- (a) Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menjelaskan alam cakerawala dan fungsinya kepada kehidupan manusia.
- (i) Bagaimanakah anda memanfaatkan kejadian siang dan malam untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. [4 markah]
- (ii) Bagaimana manusia harus mengambil iktibar daripada kejadian cakerawala supaya menjadi hamba yang taat pada perintah Allah S.W.T. [6 markah]
- (b) Kecemerlangan sistem pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin menjadi model kepada sistem pemerintahan hari ini.
- (i) Jelaskan ciri-ciri kecemerlangan pentadbiran tersebut. [6 markah]
- (ii) Dasar penyebaran Islam di zaman Khulafa' ar-Rasyidin telah berjaya mengubah tamadun manusia dalam semua aspek kehidupan.
Huraikan dua daripada perubahan-perubahan tersebut. [4 markah]

7. (a) (i) Apakah erti dam ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan dua hikmat disyariatkan dam dalam ibadat haji. [4 markah]
- (iii) Terangkan tertib menyempurnakan dam apabila menunaikan Haji Tamattuk [4 markah]
- (b) Satu daripada peraturan dalam kehidupan manusia ialah bermuamalat. Nyatakan dua daripada prinsip-prinsip muamalat dalam Islam. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum serta alasan bagi masalah berikut :
- (i) Abdullah telah menyembelih seekor kambing untuk tujuan akikah sempena menyambut kelahiran anak lelakinya
- (ii) En. Abu tidak melakukan ibadat melontar semasa mengerjakan ibadat haji di Mekah kerana sakit.
- (iii) Ismail menyembelih seekor ayam dengan niat kerana Allah S.W.T. tetapi dia terlupa membaca Bismillah dan selawat ke atas Nabi Muhamad s.a.w. [6 markah]

8. (a) Firman Allah S.W.T.



Maksudnya : 'Sebahagian manusia ada yang menyembah Allah S.W.T. secara sambil lewa, sekiranya dia mendapat kebaikan, gembiralah hatinya sekiranya dirinya ditimpa kesusahan, kembalilah dia kepada kekufuran, dia rugi di dunia dan di akhirat. Itulah kerugian yang amat nyata .

Berdasarkan ayat di atas :

- (i) Jelaskan contoh kekufuran daripada fahaman ayat al-Quran yang bergaris di atas. [4 markah]
- (ii) Huraikan tiga sifat yang perlu ada pada orang Islam apabila ditimpa kecelakaan. [6 markah]
- (b) Tamadun yang berlandaskan syariat Islam adalah asas kepada kemajuan umat. Huraikan tiga prinsip tamadun yang berlandaskan syariat Islam. [6 markah]
- (c) Sistem keadilan pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin adalah contoh terbaik untuk dipraktikkan dalam masyarakat kini. Terangkan mengapakah amalan keadilan sosial penting dalam masyarakat. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT.

